

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JANUARY 2017

# Jangan terpengaruh pembohongan Tun M

UM - 24/1/2017

**BATU PAHAT 23 Jan.** - Rakyat Johor tidak akan mudah terpengaruh dengan pembohongan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkenaan projek Forest City di Iskandar Malaysia kerana kerajaan negeri tidak ada apa-apa perkara yang hendak disorokkan.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, dakwaan Dr. Mahathir itu hanya bertujuan untuk menakutkan rakyat negeri ini demi kepentingan politiknya sendiri.

Menurutnya, kerajaan negeri secara jelas menyatakan projek terbabit adalah perancangan bagi meletakkan kedudukan Johor sebagai sebuah negeri yang mempunyai kuasa ekonomi bukan sahaja di selatan tanah air bahkan di rantau ini.

“Dakwaan Tun (Mahathir) adalah agenda politik nak takutkan rakyat Johor kerana dia tidak ada isu, saya terus cakap itu bohong kerana apabila siap kelak, tidak mungkin 700,000 rakyat China tinggal di sana kerana pemasarannya dilakukan di seluruh dunia dan tidak tertumpu kepada penduduk dari tanah besar China sahaja.

“Pembohongan beliau juga seolah-olah mempertikai dasar imigresen negara, takkanlah begitu mudah orang asing mendapat kerakyatan hanya dengan membeli hartanah di Johor, jadi, kita tak akan terima pembohongan yang bersifat menakut-nakutkan itu,” ka-

tanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan lawatan kerja ke Parlimen Parit Sulong, di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Mohamed Khaled berkata, Johor juga tidak selamanya akan menjadi halaman belakang Singapura, sebaliknya mahu menyaingi atau menyamai negara jiran itu sebagai pusat perdagangan, kewangan, perniagaan dan sebagainya dengan tertubuhnya Forest City di Iskandar Malaysia.

“Kalau mahu bersaing, kita perlukan satu pelaburan mega kerana jika setakat pelaburan RM1 juta atau RM2 juta, sampai bila-bilapun kita tidak boleh meningkatkan kedudukan Johor. Jadi ini peluang yang kerajaan negeri harus rebut.

“Lagipun, projek Forest City yang melibatkan kos pelaburan AS\$100 bilion bukan semuanya dari China tetapi sebanyak 42 peratus kepentingan projek berkenaan terdiri daripada pegangan tempatan,” katanya.

Dalam pada itu, menjawab dakwaan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) kononnya orang Melayu Johor kini paling miskin ekoran lambakan orang asing yang membeli aset di negeri itu, beliau berkata, kerajaan negeri telah melakukan usaha-usaha penambahbaikan termasuk membeku pembinaan kondominium dan apartmen mewah di tanah besar.